

09 OCT 2001

Mahathir-LIMA (Maritim)

DR MAHATHIR LAWAT ARMADA PERANG YANG MENYERTAI SEGMENT MARITIM

LANGKAWI, 9 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melawat kira-kira 30 kapal termasuk 10 kapal perang asing yang berlabuh di perairan Tanjung Malai di sini, venue bagi segmen maritim Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2001.

Dr Mahathir, yang diiringi Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Panglima Tentera Laut Laksamana Tan Sri Abu Bakar Jamal dan Pengerusi Eksekutif HW Lima Sdn Bhd, Tan Sri Wahab Nawawi, meluangkan masa kira-kira dua jam melawat kapal yang berlabuh sempena pameran dwitahunan terbesar di rantau ini.

Sebelum itu, beliau melancarkan LIMA 2001 di Dewan Pameran Antarabangsa Mahsuri di Padang Matsirat di sini.

Sepuluh kapal perang asing pelbagai jenis termasuk ITS San Guisto dari Itali, RSS Endeavour (Singapura), BNS Osman (Bangladesh) dan INS Kulish (Pakistan) berlabuh di perairan itu.

Turut berlabuh di situ 20 kapal peronda dan peninjau Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) termasuk KD Lekir, KD Lekiu, KD Hang Tuah, KD Laksamana Muhd Amin, KD Mahawangsa, KD Pendekar dan KD Ledang.

Beberapa kapal jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan dengan maritim -- Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Imigresen, Polis Marin dan Jabatan Perikanan -- turut berlabuh di situ.

Pada masa yang sama, pesawat jet amfibia jenis BE-200, yang berkemampuan terlepas dari darat dan air, mempamerkan kemampuannya di sekitar kawasan perairan dan udara di Awana Porto Malai.

Pesawat itu mampu menimba 12 tan air dalam empat tangkinya semasa meluncur di atas air dan menggugurkan air itu ke sesuatu lokasi.

Sebaik tiba di pekarangan Awana Porto Malai Resort, Dr Mahathir menyaksikan persembahan pasukan pancaragam TLDM.

Sebelum itu, ketika tiba di Awana Porto Malai, Dr Mahathir melihat pertunjukan dan kemampuan bot penggempur dan bot tempur CB-90H yang digunakan pasukan khas TLDM, Paskal.

Beliau kemudian meluangkan masa kira-kira sejam melawat kawasan pameran segmen berkenaan.

Kira-kira 300 pempamer dari 22 negara menyertai segmen maritim pada LIMA 2001.

-- BERNAMA

NH NMO